

PETALING JAYA (19 November 2009) – Kita sedia maklum apa yang diperkatakan sebagai hanya kerja dan tidak bermain. Ini amatlah benar di kalangan kanak-kanak, di mana melalui permainan, mereka akan belajar dan memupuk kemahiran sosial dan fizikal.

Lebih-lebih lagi apabila ianya berkaitan dengan sukan. Terdapat banyak kemahiran yang boleh dipelajari, sama ada semangat kerjasama, kreativiti, kecekalan, keyakinan dan lain-lain lagi. MILO® percaya bahawa pembelajaran nilai-nilai tersebut amatlah penting untuk perkembangan anak dan ini akan membentuk perwatakannya satu hari nanti.

Pada bulan Ogos 2009, MILO® telah melancarkan kempen MILO® PLAY MORE, LEARN MORE untuk menggalak dan membina kesedaran terhadap kepentingan permainan dan bagaimana ia bermanfaat untuk berjaya dalam hidup.

MILO® telah memulakan aktiviti “Pledge for Play” untuk menggalakkan ibubapa untuk mengambil langkah pertama untuk membuatkan sukan sebagai sebahagian dalam kehidupan anak-anak mereka, di mana ibubapa rakyat Malaysia diminta untuk berikrar meluangkan beberapa jam dalam seminggu untuk bermain sejenis sukan bersama anak-anak mereka

MILO® telah berjanji untuk menyumbangkan kelengkapan dan kemudahan bersukan kepada tiga sekolah rendah di negeri Selangor apabila sasaran 10,000,000 minit bagi aktiviti “Pledge for Play” tercapai pada akhir bulan Oktober 2009.


Sasaran tersebut telah tercapai lebih awal dari tarikh yang ditetapkan, maka sekolah-sekolah yang terpilih oleh Jabatan Pelajaran Selangor akan menerima kelengkapan dan kemudahan bersukan baru mereka dalam minggu ini dan ketiga-tiga sekolah di negeri Selangor adalah SJK (C) Puay Chai 2 di Bandar Utama, SK Taman Gembira di Klang dan SJK (T) Bestari Jaya di Batang Berjuntai.

Hari ini, MILO® telah menyumbangkan sebanyak 120 batang kayu hoki kepada SK Taman Gembira di mana terdapat satu pasukan hoki yang hebat dan telah meraih kemenangan di dalam kesemua perlawanan yang disertai pada tahun lepas dan juga tahun ini.

Sekolah ini mengandungi 30 orang guru yang berdedikasi dan bekerja keras untuk memastikan 425 orang pelajar sekolah SK Taman Gembira terus maju dalam bidang akademik dan sukan. Tahun lepas, nama SK Taman Gembira kelihatan di antara 5 sekolah terbaik di Klang dengan 20% daripada pelajarnya mendapat skor 5A dalam UPSR. Antara 55 pelajar “top scorer”, 10 daripada mereka adalah dari pasukan hoki.

Pasukan perempuan dan pasukan lelaki hoki ini dilatih oleh Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum sekolah, Azman Ali. Beliau mempercayai sukan dan pembelajaran saling memerlukan antara satu sama lain dan sukan akan menyemai nilai berdisiplin dan memberi lebih perhatian dalam kelas.

Beliau akan memastikan bahawa pemain-pemain hoki membahagikan masa antara pembelajaran dan sukan serta berlatih dengan kerap dari jam 5 petang hingga 7 malam.



Malah beliau juga akan memasukkan mereka dalam perlawanan-perlawanan hoki untuk memastikan mereka mendapat lebih pengalaman perlawanan.

Usaha-usaha beliau ternyata berbaloi apabila pasukan-pasukan hoki SK Taman Gembira memenangi banyak perlawanan hoki dan kebanyakan pemain SK Taman Gembira terpilih untuk mewakili negeri Selangor dalam perlawanan peringkat negeri.

Malahan juga, ramai pemain-pemain hoki SK Taman Gembira juga memperoleh tawaran di sekolah-sekolah sukan. Walau bagaimanapun, kebanyakan mereka menolak tawaran kerana mereka enggan meninggalkan atau menukar jurulatih mereka.


Sokongan pihak sekolah kepada pemain-pemain hoki ini amat terpuji. Perancangan khas telah dibuat untuk membolehkan pemain-pemain hoki yang telah tamat pengajian sekolah rendah dihantar ke dua sekolah menengah terpilih supaya mereka boleh dilatih di bawah Azman dan bersama dengan rakan sekolah lama mereka. Perancangan juga dibuat dengan Majlis Perbandaran Daerah Klang untuk membolehkan pasukan-pasukan hoki sekolah mengadakan latihan mingguan mereka di Stadium Hoki Pandamaran dengan percuma.

Pada masa kini, pihak sekolah kekurangan kayu hoki bagi pasukan tersebut – pasukan-pasukan hoki SK Taman Gembira menggunakan 300 kayu hoki setiap tahun dan kayu hoki menjadi rosak selepas dua bulan digunakan di gelanggang konkrit dan simen, bukan tempat yang sesuai untuk latihan. Oleh itu, sumbangan MILO® pada ketika yang diperlukan amatlah dialu-alukan dengan penuh kegembiraan.

“Kami berharap sumbangan kami kepada sekolah ini dan pelajar-pelajarnya boleh membantu pasukan-pasukan untuk meningkatkan lagi kemahiran dan mencapai matlamat mereka. Dalam dunia yang serba maju ini, amatlah sukar untuk mendapatkan mereka yang sanggup untuk memperuntukkan masa mereka untuk membantu generasi muda untuk berkembang. MILO® amat bangga untuk memberi bantuan kepada sekolah-sekolah dan guru-guru yang berdedikasi untuk mencungkil bakat-bakat terpendam pelajar-pelajar mereka,” kata Philomena Tan, Pengurus Jenama Kumpulan MILO®.

“Kempen MILO® PLAY MORE, LEARN MORE telah memperlihatkan galakan yang amat merangsangkan daripada rakyat Malaysia dan kami bercadang untuk menganjurkan lebih lagi kempen seperti ini kelak,” katanya lagi.

Semalam, MILO® telah menyumbangkan 50 pasang kasut sukan dan 36 biji bola sepak kepada SJK (T) Bestari Jaya di mana pasukan atlet ini amat memerlukan kasut bersukan yang sesuai dan bola sepak yang mencukupi untuk latihan mereka. Manakala pada 16 November, MILO® juga telah menyumbangkan pakaian sukan dan 60 biji bola tampar kepada SJK (C) Puay Chai 2 di mana pasukan bola tampar Lelaki Bawah 12 Tahun bola tampar merupakan juara untuk empat tahun berturut-turut malah pasukan bola tampar Perempuan Bawah 12 Tahun mendapat tempat kedua di dalam sukan kejohanan daerah tahun lepas.



###

Issued by Xcess Communication on behalf of MILO® and Nestle Products Sdn Bhd. For additional information or clarification, please contact Beverley Hon at 019-313 6011 or xcesscom@gmail.com.